

R B964 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR  
(1)

KUALA LUMPUR, 10 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGECEM SEGELINTIR WARTAWAN TEMPATAN YANG MENULIS PERKARA-PERKARA YANG MEMALUKAN DAN MENGENAI KEGAGALAN DI NEGARA SENDIRI.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI GEMBIRA KERANA PADA UMUMNYA WARTAWAN MALAYSIA TIDAK TERSABIT DALAM PERBUATAAN SEPERTI INI. SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN KELAB KEBANGSAAN WARTAWAN-MARTAWAN MALAYSIA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN MENULIS PERKARA-PERKARA SEUMPAMA ITU BUKANLAH CARANYA UNTUK MEMBANTU NEGARA.

TIDAK SEORANGPUN DARIPADA KITA YANG BERUNTUNG DENGAN MEMBURUKKAN NEGARA SENDIRI DAN MEMBUATKAN RAMALAN PERKARA-PERKARA BURUK AKAN BERLAKU MENJADI KENYATAAN, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA, HAKIKATNYA JALAH NEGARA-NEGARA LAIN ADALAH LEBIH BURUK DARIPADA KITA TERNASUK NEGARA-NEGARA MAJU. -- LAGI.  
2258MST 10 03 86

MAHATHIR - AKHBAR 2 KUALA LUMPUR  
(1)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: + SAYA GEMBIRA BEBERAPA AKHBAR SEKARANG ADA MENULIS MENGENAI KEMISKINAN DI EROPAH DAN AMERIKA+.

BAGAIMANAPUN, TAMBAHNYA, APA YANG TELAH DIPAPARKAN HANYALAH SEBAHAGIAN KECIL SAHAJA, KERANA BANYAK LAGI YANG BERLAKU DI NEGARA-NEGARA MAJU SEPERTI KEMISKINAN YANG BERLELUASA, DISKRIMINASI KAUM DAN WARNA DAN SEMUA BENTUK JENAYAH.

PERDANA MENTERI BERKATA, PERKARA-PERKARA SEPERTI ITU ADALAH LUMRAH DI NEGARA-NEGARA MAJU, TETAPI SEBALIKNYA MEREKA MENKRIK NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENGENAI PERKARA YANG SAMA.

BAGAIMANAPUN, TAMBAHNYA, PARA WARTAWAN ASING TIDAK BEGITU SERING MENULIS PERKARA-PERKARA YANG MEMALUKAN DI NEGARA-NEGARA MEREKA SEPERTI YANG SERING DILAKUKAN OLEH SESETENGAH WARTAWAN TEMPATAN MENGENAI KEGAGALAN DI NEGARA SENDIRI.

+JANGANLAH KEBENCIAN TERHADAP SESAORANG ATAU SESATU KUMPULAN MEMBUAT KITA MELEPASKAN GERAM TERHADAP NEGARA SENDIRI,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI.  
2316MST 10 03 86

R B966 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR 3 KUALA LUMPUR  
(1)

BELIAU BERKATA:+ KITA ORANG YANG BEBAS DAN JIKA SESIAPA HENDAK MEMBURUK-BURUKKAN NEGARANYA SENDIRI, ITU HAKNYA+.

MENGENAI DEMOKRASI, PERDANA MENTERI BERKATA, DEMOKRASI DICIPTA UNTUK MEMBEBAKMAN MANUSIA DARIPADA SEGALA KEBIMBANGAN TERHADAP KERAJAAN.

KATANYA, ADA PENDAPAT BAHAWA DENGAN MENJADIKAN KERAJAAN TIDAK TETAP, PENINDASAN DAN KEBIMBANGAN DAPAT DIBANTERAS DAN RAKYAT PULA BOLEH, DENGAN BEBAS, MENKRIK KERAJAAN.

MUNGKIN, TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR, DALAM DEMOKRASI, KEBIMBANGAN DARIPADA KECEDARAAN FIZIKAL SEDIKIT SEBANYAK TELAH DIBASMI, TETAPI SESAORANG ITU BOLEH DIBUNUH DENGAN FITNAH.

BELIAU BERKATA, DALAM MASYARAKAT DEMOKRASI, MEMANG MUDAH UNTUK FITNAH MEMFITNAH DAN MENGHANCURKAN DAN DAPAT PULA MELEPASKAN DIRI.

KATANYA, IA MESTILAH SEORANG YANG IMEJ BURUKNYA BOLEH MERUSAKKANNYA, CONTOHNYA SEORANG TOKOH AWAM.

JIKA TOKOH ITU BERGANTUNG PULA KEPADA KEPOPULERAANNYA, MAKA DIA MUNGKIN HILANG POPULERNYA JIKA IA DIFITNAHKAN, TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- BERNAMA.

2340MST 10 03 86